

15/06/1998

Ekspedisi Terjun Kutub Utara naikkan imej TUDM

SERAMAI 30 pegawai dan anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang menyertai Ekspedisi Terjun Kutub Utara dan Operasi Jerebu, sekali gus menaikkan imej pasukan itu, menerima sijil penghargaan sempena sambutan ulang tahun ke-40 TUDM pada 1 Jun lalu.

Sijil penghargaan yang menandakan pengiktirafan terhadap usaha mereka disampaikan oleh Panglima TUDM, Lt Jen Datuk Seri Ahmad Saruji Che Rose di Pangkalan TUDM Sungai Besi.

Antara yang menerima sijil berkenaan adalah tiga penerjun di kutub utara, Mej Mejar Kamarudeen Abdullah, Mej Amran Abd Rashid, LUK Sulaiman Alwee, manakala 27 lagi yang terbabit dalam operasi jerebu diketuai Pegawai Penyelaras Ops Jerebu, Kapten Saad Parman.

"Pengorbanan mereka sedikit sebanyak menaikkan semula imej TUDM yang pada satu ketika dahulu agak terjejas. Ini menunjukkan kita mempunyai keupayaan, semangat dan keazaman untuk melaksanakan sesuatu tanggungjawab yang diamanahkan," kata Saruji pada majlis itu.

Tiga pegawai dan anggota TUDM itu adalah sebahagian daripada 16 penerjun Malaysia yang berjaya mencatat sejarah menjejaki kaki di Kutub Utara, kawasan paling sejuk di dunia pada 21 April lalu.

Selain memacakkan 'Jalur Gemilang', ekspedisi diketuai Abdul Rahim Dahalan yang terjun dari ketinggian hampir 3,000 meter itu juga berjaya menurunkan kereta nasional Proton Wira 1.5.

Malaysia adalah negara Asia pertama berjaya tiba di Kutub Utara, yang sebelum ini dilakukan oleh warga Amerika Syarikat, Jerman, Kanada, Russia, Itali dan United Kingdom.

Tiga wakil TUDM itu turut menyerahkan pakaian dan peralatan yang digunakan ketika melakukan penerjunan serta gambar mereka di sana kepada TUDM untuk disimpan di muzium, sekali gus menjadi tatapan pengunjung.

Sementara itu, Kamarudeen menyifatkan kejayaan ekspedisi itu membuktikan rakyat Malaysia yang berpegang pada prinsip "Yakin Boleh", boleh melakukan apa saja seperti dilakukan masyarakat Barat.

"Kami menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, yang mahu rakyat Malaysia menghadapi cabaran. Kami lakukannya dan terbukti berjaya," katanya yang tidak dapat menyembunyikan kejayaan ekspedisi itu.

Kamarudeen yang berpengalaman kira-kira 19 tahun dalam bidang penerjunan, berkata cabaran paling hebat di Kutub Utara adalah cuaca sejuk yang tidak pernah dialami sebelum ini iaitu 41 darjah Celcius bawah paras beku.

Sehubungan itu, jelasnya, pasukan ekspedisi itu melakukan latihan intensif sebagai persediaan menghadapi keadaan sebenar di tempat penerjunan.

"Latihan intensif penting kerana kita tidak tahu keadaan sebenar di tempat penerjunan. Berkat usaha dan kegigihan semua, kami berjaya melakukannya," katanya yang menjadi penerjun pertama menjejaki di kutub itu.

(END)